



Sistem Bahasa

KERJA RUMAH 1

Tarikh: _____

Masa: _____

A. Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih kata yang paling sesuai. **SP5.1.1**

Februari
polis

basikal
Proton Perdana

jalan raya
Sumatera

Planetarium Negara
istana

- 1 Adik menjaga _____ pemberian ayahnya dengan baik.
- 2 Kereta _____ mendapat sambutan yang baik di Malaysia.
- 3 Tanggungjawab anggota _____ termasuklah menjaga keamanan negara.
- 4 Kumari mula bertugas di syarikat milik bapanya pada bulan _____ yang lalu.
- 5 Tun Mamat menyisipkan kerisnya di pinggang sebelum beredar ke _____.
- 6 Beberapa buah bangunan turut bergegar akibat gempa bumi di _____.
- 7 Program lawatan ke _____ itu dianjurkan oleh Persatuan Sains Sekolah.
- 8 Malam masih muda tetapi _____ di pekan itu mulai lengang.

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Mangsa-mangsa kecederaan itu telah dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah.

- 2 Pemandu motosikal itu ditahan oleh polis kerana memandu tanpa lesen.

- 3 Suatu penyelidikan sedang dijalankan berhubung dengan laporan kehilangan gadis tersebut.

- 4 Budayawan itu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang sejarah negara.

- 5 Sambutan hari kebangsaan disambut dengan meriah oleh rakyat Malaysia pada setiap tahun.

- 6 Buah limau kaya dengan vitamin c dan amat baik untuk kesihatan kulit.

[12 markah]